

# ‘Hanya peserta baharu MM2H sah diterima’

**Kuala Lumpur:** Kerajaan hanya akan menerima peserta baharu Program Malaysia Rumah Kedua-ku (MM2H) yang benar-benar sah, berkualiti tinggi dan dapat memberi sumbangan yang positif kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Ia adalah dasar baharu kerajaan membabitkan golongan itu.

Bagaimanapun, Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainudin, berkata peserta MM2H sedia ada boleh dipertimbangkan untuk mendapat kelonggaran daripada memenuhi dasar semasa yang ditetapkan.

Katanya, ia termasuk keperluan seperti pemilikan akaun simpanan tetap sekurang-kurang-

nya RM1 juta dan pengeluaran maksimum sebanyak 50 peratus dibenarkan ke atas nilai prinsipal bagi tujuan pembelian harta tanah, kesihatan dan pendidikan anak, pengisytiharan aset cair sekurang-kurangnya RM1.5 juta, pendapatan luar negara sekurang-kurangnya RM40,000 sebulan dan lain-lain keperluan syarat yang ditetapkan.

Beliau menjawab soalan Wong Hon Wai (PH-Bukit Bendera) yang bertanya sama ada kerajaan akan menyemak semula program MM2H berikutan rungutan komuniti MM2H dan industri ekonomi berkaitan terhadap syarat baharu yang amat ketat pada sesi Wak-

tu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Menjawab soalan tambahan Hon Wai sama ada program MM2H boleh diserahkan kepada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya kerana Kementerian Dalam Negeri (KDN) didakwa tidak mesra dalam urusan tapisan dan permohonan bagi manarik lebih ramai peserta, Hamzah menjelaskan, keputusan berkenaan dibuat ketika pentadbiran Pakatan Harapan (PH), namun ia boleh disesuaikan.

“Sebenarnya, jumlah peserta yang aktif ketika ini tidaklah seramai yang diuar-uarkan media massa. Jumlah yang ada hari ini

secara prinsipal hanya 34,347 peserta sahaja, iaitu 27,894 peserta MM2H, manakala peserta awal ‘silver chair’ dahulu hanya 6,453 peserta, jadi jumlahnya kecil sekali.

“Satu perkara lagi diuar-uarkan semua orang seolah-olah banyaknya jumlah kewangan yang disimpan dalam bank negara kita. Pada 2019, (jumlahnya) hanya ada RM921 juta saja.

“Jadi, tidak timbul untuk kita melihat semula orang yang sudah lama menjadi peserta, yang kita nak adalah yang baharu, lebih sah, yang benar-benar membantu dan berkualiti, bukan kuantiti yang kita perlukan,” katanya.